

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 9

### 'Hubungi Jabatan Perangkaan jika tidak yakin daftar PADU'

### 'Hubungi Jabatan Perangkaan jika tidak yakin daftar PADU'



Mohd Uzir (kiri berdiri) menyantuni jemaah yang mendaftar PADU di Masjid Hentian Putra, Kuantan, semalam.  
(Foto BERNAMA)

**Kuantan:** Orang ramai yang ingin mendaftar dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU), tetapi bimbang menjadi mangsa penipuan boleh mendapat kepastian dengan menghubungi Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkenan langkah itu untuk mengelak pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan.

Katanya, tiada sebarang bayaran dikenakan membabitkan bantuan yang disediakan dari segi pendaftaran dan mengemas kini data melalui sistem berkenaan.

"Kunjungan dari rumah ke rumah tidak menyeluruh, tetapi kita akan mendekatinya secara

bersasar seperti komuniti Orang Asli, rumah orang tua dan warga emas.

"Tiada sehingga seperti membuat banci pergi rumah ke rumah. Cuma mengejar risalah berkaitan sistem PADU.

"Jika ke rumah, ini akan dilaksanakan bersama ketua komuniti bagi mengelak menjadi mangsa scammer," katanya.

Mohd Uzir berkata, sejak dilancarkan pada 2 Januari lalu, seramai 2.82 juta rakyat mendaftar dan mengemas kini maklumat dalam sistem PADU sehingga semalam.

Katanya, pihaknya berpuas hati kerana jumlah rakyat yang mendaftar sistem PADU menunjukkan peningkatan.